



EMMANINA BINTI SUBPEI @ SHAFIE, ANDI SUWIRTA &  
ABDUL RAZAQ AHMAD

## Peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) Mengikuti Analisis Kandungan Buku Teks Sejarah untuk Sekolah Menengah pada Dua Negara-Bangsa

**RESUME:** Buku teks Sejarah di sekolah-sekolah merupakan historiografi resmi yang disediakan oleh pihak pemerintah. Objektif dalam penulisan untuk menganalisis peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) berdasarkan narasi yang terdapat didalam buku teks "Sejarah Indonesia, Kelas XII, Kurikulum 2013" dan buku teks "Sejarah Tingkatan 5, Kurikulum Standard Sekolah Menengah 2017" di Malaysia. Juga turut dianalisis kaedah pengajaran yang digunakan guru dalam penyampaian isi kandungan berkaitan peristiwa konfrontasi kepada para pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa guru dan pelajar perlu lebih memahami peristiwa sejarah dari sudut Indonesia-sentrik dan Malaysia-sentrik agar terbuka wawasan sejarah yang lebih luas, meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, Kemahiran Pemikiran Sejarah, dan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.

**KATA KUNCI:** Buku Teks Sejarah; Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966); Kaedah Pengajaran.

**ABSTRACT:** "The Events of Indonesia-Malaysia Confrontation (1963-1966) According to Content Analysis of History Textbooks for Secondary Schools in Two Nation-States". History textbooks in the schools are official historiography prepared by the government. The objective in this writing is to analyze the events of the Indonesia-Malaysia Confrontation (1963-1966) based on the narrative found in the textbook "History of Indonesia, Class XII, Curriculum 2013" and the textbook "History Form 5, Secondary School Standard Curriculum 2017" in Malaysia. Also be analyzed the teaching methods used by teachers in delivering content related to confrontation events to students. Findings show that teachers and students need to better understand historical events from an Indonesia-centric and Malaysia-centric point of view in order to open up a broader historical perspective, improve the Higher Level Thinking Skills, Historical Thinking Skills, and the level of student achievement in History subjects.

**KEY WORD:** History Textbook; Indonesia-Malaysia Confrontation (1963-1966); Teaching Methods.

**Mengenai Penulis:** **Emmanina binti Subpei@Shafie** ialah Pelajar Sarjana Pendidikan Sejarah, Fakulti Pendidikan UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) di Bangi. **Andi Suwirta, M.Hum.** ialah Pelajar Ph.D. by Research Pendidikan Sejarah SPs UPI (Sekolah Pascasiswazah, Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung. **Prof. Dato Dr. Abdul Razaq Ahmad** ialah Pensyarah Fakulti Pendidikan UKM di Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Alamat emel penulis: [emmaninashafie2706@gmail.com](mailto:emmaninashafie2706@gmail.com).

**Cara Mengutip:** Subpei@Shafie, Emmanina binti, Andi Suwirta & Abdul Razaq Ahmad. (2022). "Peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) Mengikuti Analisis Kandungan Buku Teks Sejarah untuk Sekolah Menengah pada Dua Negara-Bangsa" dalam *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Volume 15(2), November, hlm.1-24. Bandung, Jawa Barat, Indonesia: Minda Masagi Suci dan ASPENSI (Asosiasi Sejarahwan dan Pendidik Sejarah Internasional), ISSN 1979-0112 (print) dan ISSN 2622-6855 (online).

**Riwayat Artikel:** Diterima (17 September 2022); Direvisi (20 Oktober 2022); Diterbitkan (30 November 2022).

## PENGENALAN

Buku teks Sejarah, yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk pengajaran dan pembelajaran di sekolah, merupakan dokumen rujukan penting yang menjadi sumber belajar sejarah sesebuah negara-bangsa. Walau bagaimanapun, buku teks Sejarah yang merupakan sebuah historiografi rasmi pernah menjadi subjek pertentangan “politik sejarah” dalam kalangan individu dan kumpulan sosial tertentu, iaitu apabila mereka menuntut agar naratif buku teks Sejarah lebih bersifat terangkum mewakili semua “identiti” anak watan negara-bangsa. Oleh itu, isi kandungan buku teks Sejarah mengalami proses semakan dan penambah-baikkan bagi memberi liputan, ketepatan fakta, dan keterangan sejarah terkini (Ahmad, Ling & Abdullah, 2015; Ahmad, 2020).

Proses semakan dan penambah-baikkan buku teks Sejarah dijalankan oleh pakar-pakar Sejarah, pensyarah-pensyarah di universiti awam, guru-guru cemerlang Sejarah, pegawai-pegawai kurikulum dalam Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah, serta panel-panel rujukan. Berikutan langkah tersebut, buku teks Sejarah KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) di Malaysia, yang telah dilaksanakan sejak tahun 1989, digantikan dengan buku teks Sejarah KSSM (Kurikulum Standard Sekolah Menengah), yang diperkenalkan pada tahun 2017, dengan memberi penekanan kepada penguasaan Kemahiran Abad ke-21. Buku teks Sejarah KSSM 2017 digunakan sehingga kini dan menjadi salah satu sumber utama dalam kajian ini (KPM, 2016).

Begitu pula dengan buku teks Sejarah untuk Sekolah Menengah di Indonesia. Sebaik sahaja kerajaan Orde Baru (1968-1998) ditamatkan, kerajaan Reformasi (1998 - sekarang) mensemak dan menambah-baik kurikulum, iaitu apa yang terkini dipanggil sebagai KURTIKAS (Kurikulum 2013), dan menjadi panduan dalam penulisan buku teks Sejarah untuk Sekolah Menengah. Buku teks Sejarah yang berorientasikan KURTIKAS inilah yang diguna-pakai untuk keperluan analisis dan perbincangan dalam pemerihalan ini (Arraman & Hazmi, 2018).

Di dalam buku teks *Sejarah: KSSM Tingkatan 5* di Malaysia, terdapat satu sub-topik dengan tajuk “Konfrontasi dan Usaha Menangani”, pada mukasurat 106-109, di bawah topik “Pembentukan Malaysia”. Sub-topik ini merupakan historiografi dari sudut pandang negara Malaysia yang bersifat Malaysia-sentrik berkaitan dengan peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966), yang perlu diketahui oleh pelajar di Malaysia (Samsudin *et al.*, 2020).

Sub-topik ini menarik perhatian penulis untuk dibuat analisis kandungan dan perbandingan dengan sejarah konfrontasi yang dinarasikan di dalam buku teks *Sejarah Indonesia: Kelas XII untuk SMA/MA [Sekolah Menengah Atas/Madrasah Aliyah]*, mengikut KURTIAS, di bawah topik “Sistem dan Struktur Politik dan Ekonomi Masa Demokrasi Terpimpin (1959-1965)”, dalam sub-topik berjudul “Konfrontasi terhadap Malaysia”, pada halaman 96-98, yang diajarkan kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Indonesia. Walaupun terdapat sub-topik khusus berkenaan konfrontasi terhadap Malaysia, penulis juga akan mengambil kira maklumat-maklumat yang berkaitan dengan peristiwa konfrontasi yang ada pada sub-sub topik yang lain di dalam buku teks Sejarah untuk Sekolah Menengah yang berfaksikan Indonesia-sentrik (Abdurakhman *et al.*, 2015).

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengetahui: (1) Bagaimanakah bentuk penyampaian dan isi kandungan peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963-1966, di dalam buku teks Sejarah untuk Sekolah Menengah di Indonesia dan Malaysia?; (2) Apakah hasil analisis dan perbandingan bentuk penyampaian dan isi kandungan peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia?; serta (3) Apakah cabaran dalam penyampaian sejarah peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963-1966?

Oleh yang demikian, kertas ini cuba mengupas persoalan tersebut melalui analisis kandungan buku teks Sejarah kedua-dua negara, merujuk kajian ilmiah berbentuk artikel dan jurnal persidangan para pengkaji dan ilmuwan sejarah, dan seterusnya membuat perbandingan maklumat yang diperolehi untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan. Penulis berharap kajian analisis kandungan dan perbandingan ini dapat membuka hati para pendidik dan pelajar untuk meraikan persamaan dan menghormati perbezaan dalam memaknai Sejarah. Hal ini penting agar tiada “duri-duri halus” yang tumbuh dalam diri generasi baru, yang boleh melenyapkan perasaan muhibbah di antara masyarakat kedua-dua negara di masa hadapan.

**Sorotan Literatur.** Kajian berkenaan peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) telah banyak ditulis oleh para ilmuwan sejarah dan pengkaji sosial di Indonesia dan Malaysia. Namun, hanya terdapat beberapa peneliti yang berminat untuk mengkaji apakah bentuk penyampaian dan isi kandungan buku teks Sejarah yang memaparkan peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966). Antaranya adalah Andi Suwirta (2010), yang menulis artikel bertajuk “Dua Negara-Bangsa Melihat Masa Lalunya: Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) sebagaimana Dikisahkan dalam Buku-buku Teks

Sejarahnya di Sekolah". Tujuan penelitian dalam artikel dihasilkan oleh [Andi Suwirta \(2010\)](#) adalah untuk mencari pemahaman melalui proses analisis buku teks sejarah berkenaan: (1) Bagaimana peristiwa konfrontasi tersebut terjadi; (2) Bagaimana bentuk penafsiran peristiwa berkenaan; (3) Bagaimana setiap tokoh terlibat diperankan; serta (4) Apakah iktibar yang dapat disampaikan melalui peristiwa konfrontasi ([Suwirta, 2010](#)).

Melalui kajiannya, [Andi Suwirta \(2010\)](#), dengan memetik dapatan penyelidikan Sarjana lainnya, menyatakan bahawa pencetus terjadinya konfrontasi menentang Persekutuan Malaysia adalah disebabkan oleh: (1) Pengaruh Komunis China; (2) PKI atau Parti Komunis Indonesia; (3) Rasa iri hati terhadap pencapaian ekonomi Malaysia; (4) Ideologi Indonesia yang ekspansionis; serta (5) Sangkaan ke atas Malaysia yang dituduh menyokong pihak pemberontak di Indonesia, yang berusaha menjatuhkan pemerintahan Soekarno dan faktor keperibadian yang kontra di antara Soekarno dengan Tunku Abdul Rahman (*cf* [Gordon, 1964](#); [Hindley, 1964](#); [Ott, 1971](#); [Hoon, 1972](#); [Dahana, 2002](#); [Suwirta, 2010](#)).

Pendapat lain menyatakan bahawa Malaysia perlu mengutamakan musyawarah sesama bangsa Asia atas prinsip kekeluargaan Asia berbanding mengikut kehendak politik Inggeris dan Amerika. Malaysia juga dianggap tidak sabar dalam memaksa penduduk Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak untuk menyertai pembentukan Malaysia. Hal yang tersebut ini memancing kemarahan Soekarno, sehingga teretusnya konfrontasi ke atas Malaysia ([Kansil & Julianto, 1993:77](#); [Suwirta, 2010](#)).

[Andi Suwirta \(2010\)](#) juga menyatakan bahawa penjelasan peristiwa konfrontasi yang termuat di dalam buku teks Sejarah di Malaysia lebih meyakinkan, komprehensif dan mendalam, menyajikan fakta, peristiwa dan penafsiran yang lebih kaya serta menarik berbanding buku teks sejarah di Indonesia, yang hanya menjelaskan sepintas lalu tanpa apa-apa analisis dan interpretasi yang memadai. Hal ini terjadi kerana penekanan isi kandungan buku teks Sejarah Indonesia adalah lebih kepada keadaan sosial, ekonomi, dan pergolakan dalam negara. Buku teks Sejarah di Malaysia juga tercatat kisah penamatan peristiwa konfrontasi dengan menyebutkan beberapa tokoh-tokoh penting dari Indonesia, selain Soekarno dan Soeharto, seperti Dr. Subandrio (Menteri Luar Negeri), Aidit (Ketua PKI), Kolonel Ali Murtopo dan Mayor Beni Murdani (perwira tentara Indonesia yang berjasa mengakhiri peristiwa konfrontasi), disamping tokoh Adam Malik yang telah disebutkan di atas. Namun, tiada pengisahan tokoh-tokoh penting yang lain dari Malaysia terkait peristiwa konfrontasi

melainkan Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak di dalam buku teks Sejarah Indonesia. [Andi Suwirta \(2010\)](#) berharap kajian ini dapat memberi pemahaman berkenaan bagaimana kedua-dua negara mengajarkan generasi muda dari dua negara dalam membangun jati diri nasional; dan dalam masa yang sama saling bersefahaman sebagai negara tetangga ([Adam et al., 2006](#); [Suwirta, 2010](#)).

Dalam menganalisis peristiwa konfrontasi ini, [Andi Suwirta \(2010\)](#) menggunakan buku-buku teks Sejarah sekolah pada tahun 1990-an dan tahun 2000-an. Oleh yang demikian, penulis akan menggunakan buku teks Sejarah sekolah di Malaysia kurikulum terbaru 2017, berasaskan KSSM (Kurikulum Standard Sekolah Menengah) yang menggantikan buku teks Sejarah sekolah di Malaysia mengikut kurikulum lama, iaitu KBSM (Kurikulum Berspadu Sekolah Menengah) yang digunakan oleh [Andi Suwirta \(2010\)](#), serta buku teks Sejarah sekolah di Indonesia berasaskan Kurikulum 2013. Penulis juga ingin menyahut saranan [Andi Suwirta \(2010\)](#) untuk melakukan kajian analisis buku-buku teks Sejarah, berkenaan perkongsian peristiwa di antara dua negara-bangsa, iaitu Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966), untuk mewujudkan perspektif baru dalam usaha memberi pemahaman yang lebih jelas kepada pelbagai pihak yang mempelajari sejarah tersebut melalui buku teks sejarah dan demi kepentingan Pendidikan Sejarah kedua-dua negara ([Suwirta, 2010](#)).

Seterusnya adalah [A.B. Irshanto, L. Yulifar & H. Sjamsuddin \(2020\)](#), yang telah membahaskan analisis buku teks Sejarah Indonesia dan Malaysia dari empat sudut, iaitu: (1) Latar belakang terjadinya konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963-1966; (2) Narasi peristiwa konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963-1966; (3) Aspek politik konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963-1966; dan (4) Perbandingan buku-buku teks Sejarah kedua-dua negara dari sudut kebaikan dan kekurangan topik konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963-1966 ([Irshanto, Yulifar & Sjamsuddin, 2020](#)).

Hasil dapatan penelitian yang pertama, [A.B. Irshanto, L. Yulifar & H. Sjamsuddin \(2020\)](#) merumuskan bahawa latar belakang peristiwa konfrontasi mengikut perspektif buku teks Sejarah kedua-dua negara menjadi hitam-putih (kabur), kerana ditulis mengikut kepentingan negara masing-masing dengan melakukan pembenaran atas tindakan yang mereka ambil dan mencari kambing hitam sebagai pencetus permasalahan konfrontasi ini. Menurut [A.B. Irshanto, L. Yulifar & H. Sjamsuddin \(2020\)](#), buku teks Sejarah harus lebih objektif ketika memaparkan peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963-1966 ([Irshanto, Yulifar & Sjamsuddin, 2020](#)).

Pada hasil penelitian yang kedua, A.B. Irshanto, L. Yulifar & H. Sjamsuddin (2020) memetik penyelidikan dari Andi Suwirta (2010) berkenaan narasi peristiwa kontroversi yang terdapat di dalam buku-buku teks Sejarah. A.B. Irshanto, L. Yulifar & H. Sjamsuddin (2020) berpendapat bahawa terdapat persamaan porsi (peruntukan bahagian) bagi narasi topik konfrontasi dalam kedua-dua buku teks Sejarah, iaitu porsi yang sedikit berbanding dengan topik-topik yang lain (Suwirta, 2010:252-253; Irshanto, Yulifar & Sjamsuddin, 2020).

Seterusnya, hasil penelitian yang ketiga adalah dari aspek politik semasa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966). A.B. Irshanto, L. Yulifar & H. Sjamsuddin (2020) menyatakan bahawa peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) dari perspektif Indonesia nampak lebih agresif berupa pemutusan hubungan diplomatik dengan Malaysia pada 17 September 1963; seterusnya pemutusan kerjasama ekonomi pada 21 September 1963; dan tindakan konfrontasi ketenteraan yang dimulakan dengan pelancaran Konfrontasi Dwikora (Dwi Komando Rakyat) pada 3 Mei 1964. Pelbagai tindakan politik dilaksanakan oleh kedua-dua negara sepanjang terjadinya peristiwa konfrontasi sehingga tamatnya kisah konfrontasi (Irshanto, Yulifar & Sjamsuddin, 2020).

Seterusnya A.B. Irshanto, L. Yulifar & H. Sjamsuddin (2020) merujuk perbandingan buku teks *Sejarah Indonesia* yang diterbitkan oleh pemerintah yang berasal dari Kurikulum 2013; menelaah peristiwa konfrontasi Indonesia-Malaysia dari buku teks *Sejarah Malaysia* versi KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah). Antara kekurangan yang ditulis oleh A.B. Irshanto, L. Yulifar & H. Sjamsuddin (2020) adalah penarasian secara tersurat dan tersirat di dalam buku-buku teks Sejarah. Sementara, kelebihan dari kedua-dua buku adalah bentuk penulisan tidak menghukum atau menyalahkan mana-mana pemerintah, penulisan adalah secara objektif, tiada dendam dan kebencian yang ditanamkan dalam pengisahan peristiwa konfrontasi (Irshanto, Yulifar & Sjamsuddin, 2020).

## KAEDAH

Penulisan artikel ini memilih reka-bentuk penyelidikan kualitatif yang mengguna persoalan, seperti bagaimana, apa, dan mengapa. Kaedah sorotan literatur atau ulasan kepustakaan digunakan bagi menghurai, meringkas, menganalisis, mensintesis, menilai, dan menjelaskan kepustakaan yang dipilih. Literatur yang digunakan merangkumi buku, artikel dalam jurnal ilmiah, tesis, kertas seminar dan persidangan, dan penulisan di internet (Bryman & Bell, 2003;

Creswell, 2005 dan 2009; Basri, 2012).

Manakala, teknik atau pendekatan kajian yang digunakan adalah analisis kandungan dokumen. Analisis kandungan dokumen adalah alat saintifik yang melibatkan prosedur khusus bertujuan menyedia pandangan baharu, meningkat kefahaman pengkaji berkaitan fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan yang praktikal. Menurut Klaus Krippendorff (1991), sepertimana dipetik juga dalam Mokmin Basri (2012), pendekatan ini juga dipanggil interpretif dan mempunyai kriteria, seperti berikut: (1) memerlukan bacaan yang mendalam terhadap bahan teks yang secara relatifnya sedikit; dan (2) melibatkan artikulasi semula, atau interpretasi, terhadap teks kepada naratif yang boleh diterima dalam lingkungan komuniti kesedaran tertentu. Pendekatan lain yang juga digunakan dalam penulisan ini adalah analisis perbandingan buku teks (Krippendorff, 1991; Basri, 2012; Putra, 2017).

Kajian ini akan menggunakan buku teks rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan digunakan di sekolah-sekolah sebagai sumber utama penganalisan dan perbandingan. Buku-buku tersebut adalah karya Abdurakhman *et al.* (2015), yang berjudul *Sejarah Indonesia: Untuk SMA/MA/SMK/MAK [Sekolah Menengah Atas/Madrasah Aliyah/Sekolah Menengah Kejuruan/Madrasah Aliyah Kejuruan], Kelas XII, Kurikulum 2013*, cetakan ke-1; dan karya Samsudin, M. *et al.* (2020), yang bertajuk *Sejarah Tingkatan 5: KSSM [Kurikulum Standard Sekolah Menengah]*, cetakan pertama (Abdurakhman *et al.*, 2015; Samsudin *et al.*, 2020).

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

*Bentuk Penyampaian dan Kandungan Peristiwa Konfrontasi (1963-1966) dalam Buku Teks Sejarah Sekolah di Indonesia & Malaysia.* Pembentukan Malaysia pada peringkat awalnya terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, dan Singapura. Pembentukan Malaysia ini merupakan peristiwa penting dalam sejarah negara Malaysia. Pelbagai reaksi daripada penduduk tempatan dan negara jiran timbul, rentetan rancangan Pembentukan Malaysia ini. Peristiwa Konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia pada tahun 1963 hingga 1966 merupakan salah satu reaksi negara jiran terhadap rancangan Pembentukan Malaysia (Samsudin *et al.*, 2020:88).

Peristiwa konfrontasi ini juga merupakan peristiwa penting dalam penulisan sejarah nasional kedua-dua negara, sehingga dicatatkan ke dalam silibus Pendidikan Sejarah di peringkat sekolah menengah di kedua-dua negara, iaitu Indonesia dan Malaysia. Namun, bagaimanakah bentuk penyampaian isi kandungan sejarah

Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) didalam buku-buku teks Sejarah di Indonesia dan Malaysia?

Di dalam buku teks *Sejarah Indonesia*, Kelas XII, peristiwa konfrontasi diceritakan secara khusus di dalam “Bab III: Sistem dan Struktur Politik dan Ekonomi Masa Demokrasi Terpimpin (1959-1965), topik A) Dinamika Politik Masa Demokrasi Terpimpin, sub-topik 4) Konfrontasi terhadap Malaysia”, pada halaman 96 hingga 98. Walau bagaimanapun, penerangan dan peristiwa tambahan yang menyangkut sub-topik “Konfrontasi Terhadap Malaysia” ini dapat ditemui pada halaman yang lain di dalam buku ini, misalnya halaman 91, 199, 200, dan 202. Bentuk penyampaian peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) di dalam buku teks ini adalah bentuk naratif kronologi, iaitu penceritaan mengikut aturan peristiwa yang berlaku secara kronologi (*Abdurakhman et al., 2015:96-98, 91, 199-200, dan 202*).

Buku teks *Sejarah Indonesia*, Kelas XII, diceritakan bahawa Presiden Soekarno menyelesaikan isu politik besar 1964, yang terjadi di antara PKI (Parti Komunis Indonesia) dengan para pemimpin parti di Indonesia melalui musyawarah, sehingga akhirnya terlaksana Deklarasi Bogor. Penyelesaian ini dibuat bagi meneruskan konfrontasi terhadap Malaysia. Oleh yang demikian, sub-topik “Konfrontasi terhadap Malaysia”, pada halaman 96-98, dimulakan dengan sebuah pernyataan bahawa pihak PKI mendapat keuntungan berikutan isu “Masalah Malaysia” ini (*Abdurakhman et al., 2015:91 dan 96-98*).

Seterusnya, dinyatakan bahawa punca tercetusnya “Masalah Malaysia” bermula pada keinginan Tunku Abdul Rahman dari Persekutuan Tanah Melayu dan Lee Kuan Yew dari Singapura untuk bersatu membentuk Malaysia. Keinginan Filipina yang menuntut hak ke atas wilayah Sabah dengan hujah bahawa wilayah Sabah adalah milik Kesultanan Sulu; dan kebimbangan Indonesia terhadap Neo-Kolonisme Inggeris di sebalik Pembentukan Malaysia, yang dipercayai akan membahayakan revolusi Indonesia, menjadi sebab penentangan Filipina dan Indonesia terhadap rancangan Pembentukan Malaysia (*Abdurakhman et al., 2015*).

Oleh yang demikian, ketiga-tiga negara mengambil langkah penyelesaian dengan mengadakan Konferensi MAPHILINDO (Malaysia, Philipina, Indonesia) pada 31 Julai - 5 Ogos 1963, yang mana terhasil tiga dokumen penting, iaitu Deklarasi Manila, Persetujuan Manila, dan Komunike Bersama, yang membawa kepada reaksi positif Indonesia dan Filipina terhadap Persekutuan Malaysia, dengan syarat agar rakyat Kalimantan Utara (Brunei, Sabah, dan Sarawak) perlu

menyetujui pembentukan negara federasi Malaysia tersebut. Ketiga-tiga kepala pemerintah bersetuju untuk meminta Sekjen (Sekretaris Jenderal atau Setiausaha Jeneral) PBB (Persyarikatan Bangsa-bangsa Bersatu) melakukan pendekatan, atau penilaian, bagi mengetahui keinginan rakyat di daerah-daerah yang akan dimasukkan ke dalam Persekutuan Malaysia (Abdurakhman *et al.*, 2015).

Setelah itu, ketiga-tiga kepala pemerintah meminta Sekjen PBB membentuk pasukan penyelidik, lalu Lawrence Michelmores dipilih bagi mengetuai pasukan penyelidikan dan memulakan tugasnya di Malaysia pada 14 September 1963. Namun, pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia diproklamasikan atau diisytiharkan kemerdekaannya. Pemerintah Republik Indonesia menganggap perisytiharan tersebut sebagai pelecehan terhadap martabat PBB dan pelanggaran Komunique Bersama Manila, yang mengkehendaki penyelidikan kehendak ke atas rakyat Sabah dan Sarawak perlu dijalankan terlebih dahulu, sebelum pengisytiharan Persekutuan Malaysia (Abdurakhman *et al.*, 2015).

Presiden Soekarno menganggap bahawa tindakan Tunku Abdul Rahman sebagai *Act of Bad Faith*. Maka, berlaku tindak balas demonstrasi rakyat di kedua-dua kedutaan negara Indonesia dan Malaysia. Setelah itu, Indonesia memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia pada 17 September 1963; diikuti pemutusan hubungan ekonomi dengan Malaya, Singapura, Sarawak, dan Sabah pada 21 September 1963; dan pada akhir tahun 1963, pemerintah Republik Indonesia menyatakan sokongan terhadap perjuangan rakyat Kalimantan Utara dalam melawan Noe-Kolonialisme Inggeris (Abdurakhman *et al.*, 2015).

Usaha Amerika Syarikat, Jepun, dan Thailand yang ingin menjadi badan pendamai konflik hubungan tiga negara (Indonesia, Filipina, dan Malaysia) tidak berjaya, berikutan Tunku Abdul Rahman Putra (Perdana Menteri Malaysia) tidak menghadiri forum pertemuan tiga negara yang diadakan. Usaha-usaha lain yang juga menemui jalan buntu adalah dua pertemuan Menteri-menteri Luar Negeri daripada Indonesia, Malaysia, dan Filipina di Bangkok, Thailand. Dalam berjalannya usaha secara diplomasi tersebut, Presiden Soekarno turut melaungkan Konfrontasi Dwi Kora (Dwi Komando Rakyat) pada 3 Mei 1964, dengan membentuk KOGA (Komando Siaga) dan Marsekal Madya Oemar Dani daripada Tentera Udara ditunjuk sebagai Panglima KOGA (Abdurakhman *et al.*, 2015).

Pertemuan kemuncak di Tokyo, Jepun, pada 20 Jun 1964, yang dihadiri Presiden Republik Indonesia, merupakan salah satu

penyelesaian diplomasi yang masih dijalankan, walaupun konfrontasi total telah dilancarkan. Pada 31 Disember 1964, Presiden Soekarno menyampaikan pidatonya di PBB bagi menegaskan pendirian Indonesia, yang menolak pencalonan Malaysia sebagai anggota tidak tetap Dewan Keamanan PBB dan memberi amaran akan keluarnya Indonesia dari PBB. Pada 7 Januari 1965, Malaysia diterima sebagai anggota tidak tetap PBB dan dengan spontan Presiden Soekarno menyatakan "Indonesia Keluar dari PBB". Indonesia kehilangan satu forum untuk menyelesaikan persengketaan dengan Malaysia secara damai. Matlamat bagi menyelesaikan persengketaan Indonesia-Malaysia dan perombakan PBB akhirnya tidak tercapai (Abdurakhman *et al.*, 2015).

Di bawah sub-topik "3. Politik Luar Negeri Indonesia Masa Soekarno (Demokrasi Terpimpin)", dinyatakan bahawa taktik konfrontasi yang dilaksanakan di Irian Barat bagi melawan kependudukan Belanda digunakan Soekarno ketika melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia, kerana pembentukan Persekutuan Malaysia dianggap pro terhadap imperialisme Barat. Kemarahan Indonesia memuncak apabila Malaysia ditetapkan sebagai Anggota Tidak Tetap Dewan Keamanan PBB. Pada tarikh 15 September 1965, Indonesia mengambil tindakan keluar dari PBB kerana Soekarno beranggapan bahawa PBB berpihak kepada Blok Barat. Oleh itu, paksi Jakarta-Peking dibentuk bagi mendapatkan bantuan ketenteraan dan logistik daripada negara-negara Sosialis dan Komunis, seperti China, yang bukan sekutu Inggeris, untuk mendukung konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia (Abdurakhman *et al.*, 2015:199-200).

Di bawah sub-topik "4. Politik Luar Negeri Indonesia pada Masa Orde Baru (Pemerintahan Soeharto)", dinyatakan bahawa salah satu sikap Indonesia dalam melaksanakan politik luar negerinya ialah menghentikan konfrontasi terhadap Malaysia. Konfrontasi berakhir setelah Adam Malik (Menteri Luar Negeri Indonesia) menandatangani Perjanjian Bangkok pada 11 Ogos 1966, yang mengakui Malaysia sebagai sebuah negara-bangsa. Tindakan mengakhiri konfrontasi terhadap Malaysia menunjukkan bahawa Indonesia telah meninggalkan dasar luar negerinya yang agresif, ingin mendapatkan kembali kepercayaan dari Barat, dan ingin membangun kembali ekonomi Indonesia melalui pelaburan dan bantuan dari pihak asing (Abdurakhman *et al.*, 2015:201).

Di dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia pula, peristiwa konfrontasi diceritakan secara khusus di dalam "Bab 5: Pembentukan Malaysia, topik 5.6 Konfrontasi dan Usaha Menangani", pada mukasurat 106 hingga 109. Bentuk penyampaian peristiwa Konfrontasi

Indonesia-Malaysia (1963-1966) di dalam buku teks ini adalah bentuk analisis yang relatif objektif dan komprehensif (Suwirta, 2010:251); dan dilengkapi dengan sumber-sumber sejarah berbentuk salinan dokumen dari Arkib Negara Malaysia, seperti gambar keratan akhbar, gambar poster, gambar fail kerajaan British, gambar-gambar aktiviti anggota keselamatan, aktiviti pemimpin seperti rapat umum, persidangan PBB, majlis menandatangani perjanjian dan penyediaan QR Code untuk akses kepada sesuatu maklumat sejarah, misalnya Perjanjian Bangkok dan Perjanjian Normalisasi Hubungan Indonesia-Malaysia. Isi kandungan peristiwa konfrontasi di dalam buku ini ditulis secara kronologi dalam bentuk catatan ringkas, carta alir, dan carta garis masa (Samsudin *et al.*, 2020).

Buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia, mendedahkan topik yang disampaikan adalah “Konfrontasi”. Pengisahan dimulakan dengan pernyataan bahawa: (1) Kerajaan Indonesia pada awalnya tidak menolak rancangan pembentukan Malaysia; (2) Penentangan muncul selepas Tunku Abdul Rahman membuat kenyataan bahawa Indonesia terlibat dalam membantu Pemberontakan Brunei pada 7 Disember 1962; dan (3) PKI atau Parti Komunis Indonesia menggunakan kesempatan ini menyelar rancangan Malaysia sebagai penerusan dasar neo-kolonialisme yang dirancang oleh kerajaan British (Samsudin *et al.*, 2020:106).

Kemudian, beberapa pernyataan ringkas berserta lampiran gambar dimuatkan didalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia, seperti berikut: Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia, pada 20 Januari 1963, mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia atas alasan mengancam kedudukan Indonesia; Keratan akhbar berkaitan konfrontasi dengan judul “DUTA2 MALAYA DI-PANGGIL PULANG, PUTUS HUBONGAN”, yang diambil dari sumber Arkib Negara Malaysia; Poster berisi catatan dalam tulisan Jawi, “Pahlawan Senjata Kita, Padamkan Segala Khabar Angin”, yang mengingatkan rakyat agar tidak terpengaruh dengan khabar angin, dari sumber Arkib Negara Malaysia; serta Gambar Fail kerajaan British tentang sikap kerajaan Indonesia terhadap Malaysia (*Indonesian Reactions to Malaysia*), dipetik dari sumber *National Archive United Kingdom* (Samsudin *et al.*, 2020:106).

Maklumat ringkas peristiwa penentangan Indonesia yang dituliskan oleh *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia adalah seperti berikut: Tarikh 20 Januari 1963 adalah Indonesia melancarkan dasar konfrontasi terhadap Tanah Melayu “Ganyang Malaysia”; tarikh 16 Januari 1963 – 27 Mac 1963 adalah Tentera Indonesia melancarkan serangan gerila

di Sarawak; dan bulan Ogos–Disember 1964 adalah Pendaratan gerila Indonesia di Johor (Samsudin *et al.*, 2020:106).

Disambung dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia itu pada mukasurat 107, seperti berikut: Gambar anggota keselamatan Malaysia bersama Komando Marin British meronda di sepanjang sungai di Serudong, Sabah semasa konfrontasi, dari sumber Arkib Negara Malaysia; Gambar Tun Abdul Razak Hussein sedang memberikan taklimat kepada penduduk di Sabak Bernam, Selangor tentang konfrontasi, dari sumber Arkib Negara Malaysia; serta Gambar Dr. Ismail Abdul Rahman dan Omar Ong Yoke Lin dalam Majlis Keselamatan PBB untuk membentangkan aduan tentang konfrontasi, dari sumber Arkib Negara Malaysia (Samsudin *et al.*, 2020:107).

Carta alir dengan maklumat, didalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia, didedahkan seperti berikut: 12 April 1963 adalah Pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di Tebedu, Sarawak; 29 Disember 1963 adalah Peristiwa berbalas tembakan antara tentera Malaysia dengan Indonesia di Kalabakan, Sabah; 2 September 1964 adalah Pendaratan seramai 30 orang gerila Indonesia di Labis, Johor telah ditahan oleh pasukan tentera Malaysia; serta Dr. Ismail Abdul Rahman membawa isu serangan (konfrontasi ketenteraan) ini ke dalam Majlis Keselamatan PBB. Kaedah provokasi tidak mengubah pendirian Malaysia untuk bertindak selain cara diplomasi (Bala, 2016; Samsudin *et al.*, 2020:107).

Topik yang disampaikan didalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia adalah “Langkah Menamatkan Konfrontasi”. Pengisahan dimulakan dengan pernyataan bahawa: (1) Malaysia menggunakan pendekatan diplomasi dalam usaha menangani konfrontasi; (2) Kementerian Luar Negeri yang diketuai oleh Muhammad Ghazali Shafie bertanggungjawab menyusun strategi mematahkan kempen propaganda dan mendapatkan sokongan negara luar; (3) Gambar Muhammad Ghazali Shafie menyambut kedatangan Jeneral Ali Moertopo di Lapangan Antarabangsa Subang, dengan sumber daripada Arkib Negara Malaysia; serta (4) Gambar Majlis menandatangani perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia-Malaysia di Jakarta, Indonesia, dengan sumber daripada Arkib Negara Malaysia (Samsudin *et al.*, 2020:108-109).

Carta garis masa dengan maklumat, didalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia, adalah seperti berikut: Februari 1963 adalah U Thant, Setiausaha Agung PBB, mengutuskan C.V. Narasimhan untuk berunding dengan pemimpin kerajaan Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu sebagai usaha awal menamatkan konfrontasi; 9

April 1963 adalah Muhammad Ghazali Shafie mewakili negara dalam rundingan peringkat pegawai di Manila yang dianjurkan oleh Presiden Macapagal; tahun 1963 adalah Tunku Abdul Rahman menerima undangan Presiden Soekarno untuk bertemu di Tokyo dan menerangkan tujuan pembentukan Malaysia; 7-11 Jun 1963 adalah Tun Abdul Razak Hussein (mewakili negara Malaysia) dan Dr. Subandrio (mewakili negara Indonesia) menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Luar Manila bagi mencari penyelesaian konfrontasi; 31 Julai - 5 Ogos 1963 adalah Mesyuarat bersama di Manila di antara Tunku Abdul Rahman, Presiden Soekarno, dan Presiden Macapagal membawa kepada penerimaan kerajaan Indonesia dan Filipina terhadap pembentukan Malaysia selepas penilaian dibuat oleh PBB terhadap Sabah dan Sarawak; tahun 1964 adalah Rundingan di antara Malaysia, Indonesia, dan Filipina melibatkan dua Persidangan Peringkat Menteri diadakan di Bangkok, Thailand dan satu sidang kemuncak di Tokyo, Jepun, yang mana Thanat Khoman (Menteri Luar Thailand) memainkan peranan utama menganjurkan pertemuan dengan Menteri Luar Indonesia; 30 September 1965 adalah Peralihan kepimpinan di Indonesia yang menamatkan konfrontasi, yang mana Jeneral Soeharto melantik Jeneral Ali Moertopo dan Adam Malik untuk berunding menamatkan konfrontasi; serta 11 Ogos 1966 adalah Perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia-Malaysia di Jakarta, yang ditandatangani oleh Tun Abdul Razak Hussein (Samsudin *et al.*, 2020:109).

Seterusnya, buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia, menyentuh pengajaran dari peristiwa konfrontasi adalah seperti berikut: (1) Memberi pengalaman kepada negara Malaysia untuk mengurus krisis pada peringkat serantau dan antarabangsa; (2) Komitmen yang tinggi pemimpin dan pegawai kerajaan berjaya mengelakkan masalah ini menjadi konflik yang lebih besar; serta (3) Rakyat yang Bersatu-padu penting untuk memastikan kestabilan negara dan mengelak ancaman luar (Samsudin *et al.*, 2020:109).

**Analisis dan Perbandingan terhadap Bentuk Penyampaian dan Isi Kandungan.** Hasil analisis isi kandungan daripada buku teks *Sejarah Indonesia* dan buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan dari aspek bentuk penyampaian dan isi kandungan buku-buku teks berkaitan peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963-1966 (Abdurakhman *et al.*, 2015; Samsudin *et al.*, 2020).

Dari aspek bentuk penyampaian, dapat dirumuskan bahawa topik Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) diajarkan kepada pelajar

di peringkat menengah atas, iaitu SMA (Sekolah Menengah Atas) Kelas XII di Indonesia dan Sekolah Menengah Tingkatan 5 di Malaysia. Dalam sukatan KSSM (Kurikulum Standard Sekolah Menengah) di Malaysia edisi terkini (Samsudin *et al.*, 2020), peristiwa konfrontasi tidak diajarkan kepada pelajar di Tingkatan 3 (Menengah Bawah), seperti dalam KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) pada tahun 1990-an dan pernah dipetik dalam Andi Suwirta (2010:251).

Sejarah adalah subjek wajib diambil oleh pelajar sekolah menengah di Malaysia. Jadi, Sejarah adalah mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia). Manakala di Indonesia, mata pelajaran Sejarah tidak dijadikan subjek wajib lulus dalam UNAS (Ujian Nasional atau Peperiksaan Kebangsaan), walaupun ianya tetap penting diajarkan di peringkat Sekolah Menengah (Ahmad & Suwirta, 2007; Abdurakhman *et al.*, 2015; Suwirta, 2010; Samsudin *et al.*, 2020).

Susunan peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia disampaikan mengikut kronologi. Bentuk penyampaian peristiwa konfrontasi dalam buku teks *Sejarah Indonesia*, Kelas XII, adalah naratif kronologikal dan tiada gambar-gambar pendukung. Manakala dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia, peristiwa konfrontasi disusun dalam bentuk petikan ringkas, *point*, dan carta yang di komprehensif, berserta gambar-gambar yang menyeronokkan. Penyampaian maklumat sejarah dalam bentuk *point* untuk pengajaran dan pembelajaran membantu murid untuk lebih mudah merangka, mengingat, dan menyusun peristiwa secara kronologi. Buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia, dengan demikian, menyediakan akses kepada sumber sejarah, seperti berupa QR Code dan salinan dokumen berkaitan peristiwa konfrontasi dari sumber Arkib Negara Malaysia (Abdurakhman *et al.*, 2015; Samsudin *et al.*, 2020).

Dari aspek isi kandungan, dapat dirumuskan bahawa di awal perbincangan kisah konfrontasi, PKI (Parti Komunis Indonesia) disebutkan sebagai pihak yang mendapat keuntungan atas isu "Masalah Malaysia" ini dan pihak yang menyelar Malaysia sebagai penerus dasar neo-kolonialisme. Namun, perbincangan berkenaan PKI dalam peristiwa konfrontasi tidak dilanjutkan dan terhenti setakat itu sahaja; ianya sebaik didedeh semula bila berlaku rampasan kuasa dalam peristiwa G-30-S (Gerakan 30 September) 1965 di Indonesia, yang menjadi salah satu punca pertukaran kuasa daripada Presiden Soekarno kepada Jeneral Soeharto dari tahun 1965 sehingga 1968 (Ahmad & Suwirta, 2007; Abdurakhman *et al.*, 2015).

Rancangan Pembentukan Malaysia menjadi punca kepada berlakunya konfrontasi dengan alasan: Merupakan projek Neo-

Kolonialisme Barat; dan Membahayakan revolusi Indonesia, mengikut buku teks *Sejarah Indonesia*, Kelas XII (Abdurakhman *et al.*, 2015:96); serta Mengancam kedudukan Indonesia, mengikut buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia (Samsudin *et al.*, 2020:106).

Pencetus propaganda Neo-Kolonisme adalah: Presiden Soekarno, mengikut buku teks *Sejarah Indonesia*, Kelas XII (Abdurakhman *et al.*, 2015:96); dan PKI atau Parti Komunis Indonesia, mengikut buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia (Samsudin *et al.*, 2020:106).

Peristiwa yang mengarah kepada tercetusnya konfrontasi adalah berbeza dalam naratifnya. Tindakan *Act of Bad Faith*, apabila Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan kemerdekaan negara Malaysia pada 16 September 1963, adalah mula tercetusnya Konfrontasi, mengikut buku teks *Sejarah Indonesia*, Kelas XII (Abdurakhman *et al.*, 2015:97). Manakala apabila Tunku Abdul Rahman membuat kenyataan bahawa Indonesia terlibat membantu pemberontakan selepas berlaku peristiwa Pemberontakan Brunei pada 7 Disember 1962 adalah mula tercetusnya Konfrontasi, mengikut buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia (Samsudin *et al.*, 2020:106).

Tarikh pengumuman dasar konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia adalah juga berbeza dari segi naratifnya. Tarikh 17 September 1963 adalah secara rasmi berlaku pemutusan hubungan diplomatik dengan Malaysia, mengikut buku teks *Sejarah Indonesia*, Kelas XII (Abdurakhman *et al.*, 2015:97). Manakala tarikh 20 Januari 1963 adalah pengumuman yang dibuat oleh Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia, sebagai dasar mulakan Konfrontasi terhadap Malaysia, mengikut buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia (Samsudin *et al.*, 2020:106).

Bentuk konfrontasi yang dinyatakan di dalam kedua-dua buku Sejarah adalah sama, iaitu konfrontasi politik (hubungan diplomatik), ekonomi, dan ketenteraan (Abdurakhman *et al.*, 2015; Samsudin *et al.*, 2020). Namun, bentuk konfrontasi yang lebih ditekankan dan dijelaskan di dalam kedua-dua buku teks adalah berbeza dari segi naratifnya. "Konfrontasi Politik" lebih ditekankan oleh buku teks *Sejarah Indonesia*, Kelas XII (Abdurakhman *et al.*, 2015:97-98). Manakala "Konfrontasi Ketenteraan" lagi diambil berat dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia (Samsudin *et al.*, 2020:106-107).

Kedua-dua buku teks Sejarah mengisahkan usaha kedua-dua negara mengadakan perdamaian secara diplomasi. Namun, susunan jalan cerita ke arah usaha perdamaian ini adalah berbeza kerana mengikut citra dan kepentingan negara masing-masing (Abdurakhman *et al.*, 2015; Samsudin *et al.*, 2020). Kedua-dua buku teks menyebutkan

keterlibatan Setiausaha Agong PBB, U Thant, sebagai wakil PPB dalam penyelesaian peristiwa konfrontasi. Nama wakil PBB yang diutuskan oleh Setiausaha Agong PBB yang disebutkan masing-masing dalam kedua-dua buku adalah: Lawrence Michelmore, mengikut buku teks *Sejarah Indonesia*, Kelas XII (Abdurakhman *et al.*, 2015:96); dan C.V. Narasimhan, mengikut buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia (Samsudin *et al.*, 2020:108).

Langkah menamatkan konfrontasi di dalam kedua-dua buku teks Sejarah dikisahkan dengan narasi yang sama, iaitu: Selepas peralihan kepimpinan daripada Presiden Soekarno kepada Jeneral Soeharto, berikutan perubahan Dasar Luar Negeri di bawah pemerintahan Jeneral Soeharto di Indonesia; serta Adam Malik sebagai Menteri Luar Negeri, menukar Dr. Soebandrio, menjadi wakil Republik Indonesia untuk menandatangani perjanjian pada 11 Ogos 1966 (Abdurakhman *et al.*, 2015; Samsudin *et al.*, 2020).

Namun, timbul percanggahan berkenaan nama perjanjian yang ditandatangani oleh Adam Malik pada 11 Ogos 1966, iaitu: Perjanjian Bangkok, mengikut buku teks *Sejarah Indonesia*, Kelas XII (Abdurakhman *et al.*, 2015:202); dan Perjanjian Normalisasi Hubungan Indonesia-Malaysia di Jakarta, mengikut buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia (Samsudin *et al.*, 2020:109).

Akhir sekali, nama-nama tokoh politik kedua-dua negara yang terlibat dalam peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966), yang terdapat di dalam buku-buku teks Sejarah adalah berbeza sikit dari segi naratifnya, iaitu: Tengku Abdul Rahman, Presiden Soekarno, Marsekal Madya Oemar Dani, Soeharto, dan Adam Malik, mengikut buku teks *Sejarah Indonesia*, Kelas XII (Abdurakhman *et al.*, 2015:96-97 dan 201-202). Manakala dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 5* di Malaysia disebutkan nama-nama tokoh seperti: Tunku Abdul Rahman, Dr. Subandrio, Tun Abdul Razak Hussein, Dr. Ismail Abdul Rahman, Omar Ong Yoke Lin, Muhammad Ghazali Shafie, Presiden Soekarno, Jeneral Ali Moertopo, Adam Malik, dan Jeneral Soeharto (Samsudin *et al.*, 2020:109).

***Cabaran dalam Penyampaian Sejarah Peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966).*** Dalam dunia pendidikan Sejarah, terdapat pelbagai cabaran dalam menyampaikan ilmu Sejarah kepada pelajar. Bagi menghadapi cabaran tersebut, banyak kajian yang telah dijalankan oleh para guru dan ahli akademik di seluruh pelusuk Dunia. Cabaran tersebut boleh jadi dalam bentuk kaedah atau teori pengajaran yang digunakan, keberkesanan teknik pengajaran, tahap pencapaian pelajar, dan lain-lain lagi. Dalam kajian ini, pengkaji

akan menghuraikan bentuk cabaran yang dihadapi oleh guru dalam menyampaikan pembelajaran peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) kepada pelajar.

Salah satu matlamat penyusunan kurikulum Sejarah peringkat menengah adalah bagi mewujudkan semangat perpaduan, cintakan bangsa dan negara. Kurikulum Sejarah disusun dalam bentuk buku teks untuk digunakan sebagai sumber rujukan pembelajaran sejarah di sekolah. [Abdul Razaq Ahmad & Andi Suwirta \(2007\)](#), dan sarjana lainnya, pula menegaskan bahawa buku teks hanyalah sebagai media penyampai pengetahuan, namun kebijaksanaan guru dalam mentadbir pengajaran dan pembelajaran merupakan penentu tercapainya objektif suatu proses pendidikan ([Ahmad & Suwirta, 2007](#); [Alhamuddin, 2014](#); [KPM, 2019:3](#)).

Namun, dalam mentadbir pengajaran dan pembelajaran, pasti ada cabaran yang dihadapi oleh para guru. Antaranya adalah pengaruh perspektif pelajar terhadap isi kandungan buku teks. Perspektif pelajar terhadap topik konfrontasi boleh dipengaruhi oleh provokasi media yang tidak berautoriti, lebih-lebih lagi topik konfrontasi melibatkan peristiwa hitam yang boleh memacu prasangka yang melampau. Perkara ini dijelaskan dengan pernyataan [Said Hamid Hasan \(2012\)](#), sepertimana juga dipetik dalam [A.B. Irshanto, L. Yulifar & H. Sjamsuddin \(2020\)](#), bahawa proses pembencian pada peristiwa masa lalu boleh berlaku dan apabila dibiarkan akan tidak menguntungkan, terutama untuk kepentingan membangun suatu kesedaran nasional. Oleh itu, guru berperanan penting menerapkan KPS (Kemahiran Berfikir Sejarah) dalam pengajaran dan pembelajaran agar pelajar boleh memahami masalah sejarah melalui pemerhatian dan interpretasi yang sistematik (*cf* [Hasan, 2012](#); [Kaspin, Noor & Awang, 2018](#); [Irshanto, Yulifar & Sjamsuddin, 2020](#)).

Menurut [Anuar Mohamed \(1997\)](#), bagi melahirkan generasi muda yang bersatu dan mempunyai jati diri yang kukuh, pelajar perlu memiliki pengetahuan berkaitan perkembangan pembinaan negara bangsa, perpaduan kaum, dan memahami peristiwa-peristiwa sejarah dengan menggunakan perspektif yang betul dan tepat, berimajinasi dan berfikir untuk mendapatkan kebenaran, serta mengetahui latar belakang sesuatu kejadian. Dengan itu, sikap bias, rasa benci, dan etnosentrisme disebabkan peristiwa sejarah pada masa lalu dapat dielakkan. Pelajar akan dapat membuat pertimbangan yang wajar dan menyelesaikan masalah untuk kebaikan masa hadapan ([Mohamed, 1997](#)).

Dalam pengajaran topik konfrontasi, guru boleh membimbing pelajar untuk membuat aktiviti mentafsir dan membandingkan

pelbagai pandangan berkenaan peristiwa konfrontasi, di samping meningkatkan elemen kewarganegaraan, patriotisme, nilai dan iktibar kepada pelajar. Guru juga perlu bijak mengambil jalan tengah agar peristiwa konfrontasi tidak menjadi dendam masa lalu kepada generasi kini yang tidak hidup pada masa lalu. Menurut [Andi Suwirta \(2010\)](#), guru sebagai profesional memainkan peranan untuk memberi pencerahan bagi setiap pengajaran peristiwa sejarah yang berunsur kelam ([Suwirta, 2010](#)).

Cabaran-cabaran lain dalam pengajaran mata pelajaran sejarah adalah bagaimana cara menarik minat pelajar untuk mempelajari sejarah. Antara faktor yang mempengaruhi minat pelajar untuk mempelajari sejarah adalah kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru. Kaedah pengajaran guru yang bersesuaian dengan minat dan kehendak pelajar dapat meningkatkan pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran. Tanggapan pembelajaran Sejarah yang membosankan akan dapat diubah kepada pembelajaran yang bermakna jika guru dapat mengenal pasti kaedah pengajaran yang diminati pelajar dan justifikasinya. [Lezah Kiamsin & Rosy Talin \(2018\)](#) menyatakan bahawa guru berkemahiran yang menggunakan kepelbagaian kaedah pengajaran akan mampu mengubah persepsi pelajar bahawa pembelajaran Sejarah adalah tidak penting dan membosankan ([Kiamsin & Talin, 2018](#)).

Oleh yang demikian, dalam penyampaian sejarah peristiwa konfrontasi Indonesia-Malaysia, guru boleh menggunakan kaedah pengajaran sejarah yang diminati, seperti kaedah perbahasan, pembentangan, *Gallery Walk*, dan soal-jawab. Keempat-empat kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar ini memerlukan pelajar untuk berfikir secara kritis, membuat persiapan fakta Sejarah, bekerjasama dalam menyiapkan tugas, dan melibatkan komunikasi aktif di antara pelajar. Aktiviti-aktiviti ini akan dapat menghindarkan rasa bosan pelajar, kerana aktiviti-aktiviti ini akan membantu pelajar untuk menguasai topik peristiwa konfrontasi secara menyeluruh ([Ahmad & Suwirta, 2007](#); [Suwirta, 2010](#); [Kiamsin & Talin, 2018](#)).

Menurut [A.B. Irshanto, L. Yulifar & H. Sjamsuddin \(2020\)](#), porsi (bahagian) bagi topik peristiwa konfrontasi Indonesia-Malaysia di dalam buku teks sejarah di Indonesia untuk SMA (Sekolah Menengah Atas) adalah amat kecil. Hal ini juga boleh menjadi penyebab pelajar tidak berminat untuk mempelajarinya secara mendalam, berikutan tidak banyak perkara yang perlu diberi perhatian, kerana isi kandungannya yang sedikit. Masalah isi kandungan yang sedikit ini juga boleh dikembangkan melalui kaedah-kaedah pengajaran

berpusatkan pelajar (Irshanto, Yulifar & Sjamsuddin, 2020).

Menurut Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Nur Syazwani (2016), dan sarjana lainnya, multimedia juga dapat digunakan untuk mengatasi sikap pelajar yang kurang berminat dengan mata pelajaran Sejarah. Penggunaan multimedia dapat merangsang pelbagai deria, memudahkan proses penyimpanan maklumat, penyebaran, carian sumber rujukan, kuasa kawalan, penerokaan tanpa batasan, memperoleh maklumat di hujung jari, dan mencipta suasana pembelajaran yang menarik. Bagi meningkatkan pencapaian pembelajaran yang berkesan, penggunaan multimedia ini amat sesuai digunakan, terutamanya dalam tempoh pandemik COVID-19 (*Corona Virus Disease 2019*), yang memerlukan pelajar menjalani pembelajaran dari rumah secara atas talian. Pelajar berpeluang untuk mendapatkan pelbagai intepretasi peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) dan sumber rujukan yang berkaitan secara fleksibel dalam tempoh pembelajaran atas talian (cf Harun & Tasir, 2003; Awang, Ahmad & Syazwani, 2016; Irshanto, Yulifar & Sjamsuddin, 2020).

Selain cabaran dalam bentuk kaedah atau teori pengajaran yang digunakan dan keberkesanan teknik pengajaran, tahap pencapaian pelajar juga merupakan cabaran buat guru dalam menyampaikan pengajaran topik Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966). Tahap pencapaian pelajar diambil kira dalam bentuk kekuatan daya ingatan, tahap KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi) dan KPS (Kemahiran Pemikiran Sejarah). Pembelajaran Sejarah yang berorientasikan peperiksaan menuntut guru untuk mengasah daya ingatan pelajar, mengupayakan KBAT dan menguasai KPS dalam pembelajaran, kerana peperiksaan menjadi satu keutamaan dalam menilai keberhasilan pembelajaran Sejarah. Namun, tidak semua matlamat ini mudah untuk dilaksanakan berikutan peruntukan masa belajar Sejarah adalah terbatas. Noria Munirah & Anuar Ahmad (2015), dan sarjana lainnya, menyatakan pelanjutan masa mengajar Sejarah akan membawa kepada perlaksanaan KPS yang lebih berkesan sesuai dengan sukatan pelajaran yang terlalu luas. Pengabaian KPS dalam pembelajaran akan terjadi apabila guru perlu mengejar masa untuk menghabiskan silibus pembelajaran yang banyak sebelum tiba masa peperiksaan (Daud, Ahmad & Yakub, 2015; Munirah & Ahmad, 2015)).

Penggunaan peta pemikiran *I-Think* pula amat membantu mengatasi masalah pelajar dengan daya ingatan yang lemah. Menurut Faiz Tamdjis & Anuar Ahmad (2017), dan sarjana lainnya, penggunaan peta pemikiran *I-Think* sangat berkesan dalam mengubah sikap dan minat pelajar terhadap pembelajaran Sejarah serta dapat meningkatkan

pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Penggunaan peta pemikiran *I-Think* juga mampu membantu pelajar berfikir dengan lebih mendalam dan berkesan dalam pengaplikasian KBAT semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, pencapaian pelajar dalam penguasaan topik Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) dapat ditingkatkan melalui penggunaan peta pemikiran *I-Think* semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di samping pengaplikasian KBAT dan KPS (Ghazali & Badusah, 2015; Tamdjis & Ahmad, 2017; Irshanto, Yulifar & Sjamsuddin, 2020).

## KESIMPULAN <sup>1</sup>

Kajian ini cuba menghasilkan analisis dan perbandingan peristiwa sejarah Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) bagi mendapat kejelasan fakta, kepelbagaian interpretasi peristiwa konfrontasi, dan menunjukkan beberapa kekuatan dan kelemahan yang terdapat di dalam kedua-dua buku teks berdasarkan topik Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966). Pada umumnya, maklumat sedia ada di dalam buku teks amatlah terhad dan tidak cukup untuk pelajar menjawab soalan esei dan objektif dengan baik. Oleh yang demikian, melalui kajian ini diharap dapat membantu guru dan pelajar untuk lebih memahami peristiwa sejarah dari sudut Indonesia-sentrik dan Malaysia-sentrik agar terbuka wawasan sejarah yang lebih luas, meningkatkan tahap KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi), KPS (Kemahiran Pemikiran Sejarah), dan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Keberhasilan Pendidikan Sejarah juga adalah bergantung kepada profesional guru dalam mentadbir pengajaran dan pembelajaran secara bertanggungjawab dan bijaksana.

Melalui dapatan kajian ini juga, penulis berharap agar tidak akan muncul nada saling menyalahkan di antara kedua-dua negara, iaitu Indonesia dan Malaysia, kerana dalam mempelajari ilmu, kita juga perlu percaya dan menerima takdir yang telah berlaku dan ditentukan. Apa yang perlu kita lakukan adalah mengambil pengajaran serta

---

<sup>1</sup>*Rakaman Terima kasih:* Artikel ini, sebelum diubah-suai dan dikemas-kini seperti wujud sekarang, mulanya merupakan Kertas Kerja milik Penulis 1 (Emmanina binti Subpei@Shafie), yang pernah dibentang dan dibincang dalam Majelis FGD (*Focus Group Discussion*) dalam talian *Zoom Meeting* antara Guru-guru Sejarah Malaysia dan Indonesia, yang dianjurkan dan dipengerusi oleh Penulis 2 (Andi Suwirta) dan Penulis 3 (Abdul Razaq Ahmad). Penulis 1 merakamkan berbanyak terima kasih kepada mana-mana pihak, khususnya rakan-rakan Cikgu dan Pengetua Sekolah Kebangsaan Limbang, yang beralamatkan Pejabat Pendidikan Daerah Limbang, Wisma Persekutuan, Jalan Muhibbah, 98707 Limbang, Sarawak, Malaysia, yang mana Penulis 1 adalah Pembantu Pengurusan Murid, yang sudah membagi peluang dan kebenaran kepada Penulis 1 untuk menuntut di Program Sarjana Pendidikan berbilang terima kasih kepada mana-mana pihak, khususnya (Universiti Kebangsaan Malaysia), Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Walau bagaimanapun, semua kandungan dan pentafsiran dalam artikel ini, kekal menjadi tanggung jawab akademik kami bertiga, iaitu Penulis 1, Penulis 2, dan Penulis 3, serta tidak ada kena-mengena dengan bantuan yang telah diberikan oleh mana-mana pihak.

iktibar, dan perlu bergerak ke depan ke arah kebaikan. Kerjasama di antara negara Indonesia dan Malaysia dalam pembangunan dan penyelidikan pendidikan Sejarah diharap dapat mencapai matlamat penyatuan bangsa serumpun dan kemakmuran bersama bertitik tolak dari penyusunan kurikulum pendidikan Sejarah yang ditentukan oleh kedua-dua negara.

Penyusunan peristiwa sejarah secara sistematik dan ber kronologi akan membawa kepada perubahan perspektif sejarah Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) yang baharu dalam usaha memberi pemahaman yang lebih jelas kepada pelbagai pihak yang mempelajari sejarah tersebut melalui buku teks Sejarah dan demi kepentingan Pendidikan Sejarah kedua-dua negara.<sup>2</sup>

## Referensi

- Abdurakhman *et al.* (2015). *Sejarah Indonesia: Untuk SMA/MA/SMK/MAK [Sekolah Menengah Atas/Madrasah Aliyah/Sekolah Menengah Kejuruan/Madrasah Aliyah Kejuruan], Kelas XII, Kurikulum 2013*. Jakarta: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.
- Adam, Ramlah *et al.* (2006). *Sejarah Tingkatan 5: Buku Teks Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, Abdul Razaq & Andi Suwirta. (2007). *Sejarah dan Pendidikan Sejarah: Perspektif Malaysia dan Indonesia*. Bandung, Jawa Barat, Indonesia: Historia Utama Press.
- Ahmad, A., P. Ling & N.A. Abdullah. (2015). "Pengetahuan Nilai Patriotisme Pelajar Berdasarkan Pembelajaran Subjek Sejarah" dalam *Malaysian Journal of Youth Studies, Institute for Youth Research Malaysia*.
- Ahmad, M.A. (2020). "Buku Teks Sejarah sebagai Historiografi Rasmi: Analisis Perbandingan Malaysia-Singapura" dalam *Proceedings Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*, tarikh 24-25 November, ms.1298-1306.
- Alhamuddin. (2014). "Sejarah Kurikulum di Indonesia (Studi Analisis Kebijakan Pengembangan Kurikulum)" dalam *Nur El-Islam*, Vol.1, No.2 [Oktober], ms.49-58. Wujud secara online pula di: <https://media.neliti.com/media/publications/226468-sejarah-kurikulum-di-indonesia-studi-ana-bac69203.pdf> [dilayari di Limbang, Sarawak, Malaysia: 17hb Julai 2022].
- Arraman, Beril Choliq & Nahdatul Hazmi. (2018). "Analisis Buku Teks Sejarah Kelas X Kurikulum 2013" dalam *KAGANGA: Jurnal Pendidikan Sejarah dan Riset Sosial Humaniora*, Vol.1, No.2 [Desember], ms.122-140.
- Awang, Mahzan, Abdul Razaq Ahmad & Nur Syazwani. (2016). "Penggunaan Multimedia dalam Pendidikan Sejarah pada Abad ke-21 dan Hubungannya

---

<sup>2</sup>*Kenyataan:* Kami, yang bertanda-tangan di bawah ini, membuat kenyataan dengan sebenar bahawa artikel ini adalah karya akademik kami bertiga. Ianya bukan dapatan plagiat, memandangkan sumber-sumber yang kami petik dan rujuk, jelas tersenarai dalam Senarai Rujukan atau Referensi. Artikel ini juga belum pernah kami hantar ke jurnal akademik lain untuk diwasit dan diterbitkan. Kami tidak akan menarik-balik artikel ini dari jurnal SOSIOHUMANIKA, yang dianjurkan dan diterbitkan oleh Minda Masagi Suci dan ASPENSI (Asosiasi Sejarahwan dan Pendidik Sejarah Internasional) di Bandung, Jawa Barat, Indonesia.

- dengan Minat Belajar Sejarah” dalam *Jurnal Pemikir Pendidikan*, dianjurkan dan diterbitkan oleh UMS (Universiti Malaysia Sabah), ms.44-45
- Bala, B. (2016). “Sabah dan Sarawak dalam Buku Teks Sejarah: Liputan dan Ketepatan” dalam *Working Paper*, October Edition. DOI: 10.13140/RG.2.2.11336.11523
- Basri, Mokmin. (2012). “Kaedah Penyelidikan”. Wujud secara online di: [https://www.researchgate.net/publication/283479198\\_Bab\\_4\\_Kaedah\\_Kajian](https://www.researchgate.net/publication/283479198_Bab_4_Kaedah_Kajian) [dilayari di Limbang, Sarawak, Malaysia: 17hb Julai 2022].
- Bryman, A. & E. Bell. (2003). *Business Research Methods*. London and New York: Oxford University Press.
- Creswell, J.W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New Jersey: Pearson Educational, 2<sup>nd</sup> edition.
- Creswell, J.W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, 3<sup>rd</sup> edition.
- Dahana, Abdullah. (2002). *China dan Malaysia dalam Arena Perang Dingin, 1949-1974*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Daud, Norakma binti Mohd, Abdul Razak Ahmad & Noria Munirah Yakub. (2015). “Pembelajaran Berteraskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah” dalam *Proceeding: 7<sup>th</sup> International Seminar on Regional Education*, Volume 1 [November], ms.352-360. Wujud secara online pula di: <https://isre.prosiding.unri.ac.id/index.php/ISRE/article/view/3054/2981> [dilayari di Limbang, Sarawak, Malaysia: 17hb Julai 2022].
- Ghazali, Syahidah & Jamaludin Badusah. (2015). “Peta Pemikiran (I-Think) Pemangkin Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu” dalam *Journal of International Conference on Global Education III*, organized by Universitas Ekasakti, Padang, West Sumatera, Indonesia, on 25-26 Mei, ms.851-865.
- Gordon, Bernard K. (1964). “The Potential for Indonesian Expansionism” in *Pasific Affairs*, Volume 36(4), pp.379-393.
- Harun, Jamalludin & Zaidatun Tasir. (2003). *Multimedia dalam Pendidikan*. Bentong: PTS Publications.
- Hasan, Said Hamid. (2012). “Pendidikan Sejarah untuk Memperkuat Pendidikan Karakter” dalam *PARAMITA: Historical Studies Journal*, Vol.22, No.1, ms.81-95. Wujud secara online pula di: <https://journal.unnes.ac.id/nju/index.php/paramita/article/view/1875/2014> [dilayari di Limbang, Sarawak, Malaysia: 17hb Julai 2022].
- Hindley, Donald. (1964). “Indonesia’s Confrontation with Malaysia: In Search of Motives” in *Asian Survey*, Volume 4.6 [June], pp.903-913.
- Hoon, Khaw Guat. (1972). “Malaysian Policies in Southeast Asia, 1957-1970: The Search for Security”. *Unpublished Doctoral Dissertation*. Geneva: University of Geneva. Hoon, Khaw Guat.
- Irshanto, A.B., L. Yulifar & H. Sjamsuddin. (2020). “Materi Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963-1966: Perspektif Buku Teks Sejarah Indonesia dan Malaysia” dalam *JASMERAH: Journal of Education and Historical Studies*, Volume 2(1), ms.29-37.
- Kansil, C.S.T. & Julianto. (1993). *Sejarah Perjuangan Pergerakan Kemerdekaan Kebangsaan Indonesia (Pendidikan Sejarah Perjuangan Bangsa)*. Jakarta: Penerbit Erlangga, cetakan ke-14.
- Kaspin, K.G., M. Noor & M. Awang. (2018). Perspektif Pelajar terhadap Kurikulum Sejarah Peringkat Menengah di Malaysia” dalam *Jurnal Pemikir Pendidikan*, Volume 9, dianjurkan dan diterbitkan oleh UMS (Universiti Malaysia Sabah) di Kota Kinabalu.
- Kiamsin, Lezah & Rosy Talin. (2018). “Kaedah Pengajaran Sejarah yang Diminati Pelajar dan Justifikasinya” dalam *MJ-SSH: Malaysian Journal of Social Sciences and*

- Humanities*, Vol.3, Iss.2 [April], ms.137-145.
- Krippendorff, Klaus. (1991). *Analisis Isi, Pengantar Teori, dan Metodologi*. Jakarta: Rajawali Press, Terjemahan.
- KPM [Kementerian Pendidikan Malaysia]. (2016). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- KPM [Kementerian Pendidikan Malaysia]. (2019). *Buku Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Sejarah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohamed, Anuar. (1997). *Modul Kursus Perguruan Lepas Ijazah: Sejarah*. Seremban: Maktab Perguruan Raja Melewar.
- Munirah, Noria & Anuar Ahmad. (2015). "Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dalam Kalangan Bakal Guru di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)". Wujud secara online di: [https://www.academia.edu/16516299/KEMAHIRAN\\_PEMIKIRAN\\_SEJARAH\\_KPS\\_DALAM\\_KALANGAN\\_BAKAL\\_GURU\\_DI\\_INSTITUT\\_PENGAJIAN\\_TINGGI\\_AWAM\\_IPTA](https://www.academia.edu/16516299/KEMAHIRAN_PEMIKIRAN_SEJARAH_KPS_DALAM_KALANGAN_BAKAL_GURU_DI_INSTITUT_PENGAJIAN_TINGGI_AWAM_IPTA) [dilayari di Limbang, Sarawak, Malaysia: 30 Jun 2022].
- Ott, Marvin C. (1971). "The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy Toward Indonesia and the Philippines". *Unpublished Ph.D. Dissertation*. U.S.A.: Johns Hopkins University.
- Putra, Armansyah. (2017). "Mengkaji & Membandingkan Kurikulum 7 Negara (Malaysia, Singapura, Cina, Korea, Jepang, Amerika, dan Finlandia)" dalam *File Perbandingan Kurikulum*. Sumbawa Besar, NTB [Nusa Tenggara Timur], Indonesia: Program Studi Pendidikan Biologi, Universitas Samawa, ms.1-21.
- Samsudin, M. et al. (2020). *Sejarah Tingkatan 5: KSSM [Kurikulum Standard Sekolah Menengah]*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suwirta, Andi. (2010). "Dua Negara-Bangsa Melihat Masa Lalunya: Konfrontasi Indonesia-Malaysia sebagaimana Dikisahkan dalam Buku-Buku Teks Sejarahnya di Sekolah" dalam *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Volume 3(2), ms.243-258.
- Tamdjis, Faiz & Anuar Ahmad. (2017). "Penggunaan Peta Pemikiran I-Think terhadap Pencapaian dan Minat Pelajar dalam Pendidikan Sejarah". *Kertas Kerja* dibentang dan dibincang dalam International Conference on Global Education V: Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity, dianjurkan oleh Universitas Ekasakti di Padang, Sumatera Barat, Indonesia, pada 10-11 April, ms.2774-2789.



**Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1963-1966) dalam Buku Teks Sejarah  
untuk Sekolah Menengah**

(Sumber: [https://www.kompas.com/skola/read\\_09/10/2021](https://www.kompas.com/skola/read_09/10/2021))

Melalui dapatan kajian ini juga, penulis berharap agar tidak akan muncul nada saling menyalahkan di antara kedua-dua negara, iaitu Indonesia dan Malaysia, kerana dalam mempelajari ilmu, kita juga perlu percaya dan menerima takdir yang telah berlaku dan ditentukan. Apa yang perlu kita lakukan adalah mengambil pengajaran serta iktibar, dan perlu bergerak ke depan ke arah kebaikan. Kerjasama di antara negara Indonesia dan Malaysia dalam pembangunan dan penyelidikan pendidikan Sejarah diharap dapat mencapai matlamat penyatuan bangsa serumpun dan kemakmuran bersama bertitik tolak dari penyusunan kurikulum pendidikan Sejarah yang ditentukan oleh kedua-dua negara.